

TARIKH	27 / 09 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	31	RUANGAN	Setempat

# Tunggu giliran

15,000 warga emas berusia 75 tahun ke atas menanti tunai haji

**T**ABUNG Haji (TH) mempunyai tanggungjawab terhadap kira-kira 15,000 warga emas berusia 75 tahun ke atas yang masih menunggu peluang untuk menuaikan Rukun Islam kelima itu dan seharusnya diberi keutamaan terutama membabitkan kuota tambahan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom berkata, kuota tambahan terbabit menjadi nafas kepada golongan warga emas terbabit yang sedang menunggu giliran pada tahun ini termasuk rayuan dikemukakan pelbagai pihak.

"Pada tahun ini keduakan itu tidak diluluskan (kuota tambahan). Berkaitan soalan sama ada kegagalan memberikan kuota berdasarkan perhimpunan Bersih 3.0 di Makkah dan Madinah, kerajaan Arab Saudi mengutuskan



JAMIL...kuota tambahan tidak diluluskan

surat menyatakan ia disebabkan proses pertambahan dan pembesaran Makkah.

"Buat masa sekarang kita (TH) mempunyai jumlah warga emas yang menunggu giliran untuk menuaikan haji sekitar 75 hing-

ga 90 tahun ke atas merangkumi 75 hingga 80 tahun (12,525 orang), 80 hingga 90 (2,524 orang) dan 90 tahun ke atas (140 orang)," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan tambahan dikemukakan Datuk Ismail Mohamad Said (BN-Kuala Krau) yang ingin mengetahui mengenai kuota haji tambahan pada tahun ini yang diberikan kepada jemaah Malaysia.

Soalan tambahan itu berditik tolak dari soalan utama diajukan Ismail yang meminta Perdana Menteri menyatakan usaha dijalankan bagi memastikan kuota haji tidak terjejas berikutan insiden perhimpunan haram, memandangkan senarai menunggu yang ramai iaitu 930,000 dan kuota haji sedia ada 28,000 orang.

Mengulas soalan dibangkitkan itu, Jamil Khir berkata, pihaknya menerima

banyak surat mengenai kuota haji tambahan dan jumlah yang menunggu berjumlah kira-kira sejuta orang.

"Berbalik persoalan adakah punca disebabkan Bersih 3.0 di Makkah dan Madinah yang dianjur lebih awal, saya tidak tahu, tetapi saya dapat nota diplomatik daripada kerajaan negara Arab Saudi.

"Biasanya (kuota haji tambahan) diberi kira-kira 10,000 pada setiap tahun dan kerajaan Arab Saudi tidak membenarkan pengisytiharan mengenai kuota tambahan kerana merasa negara lain juga meminta kuota tambahan," kata-

nya.  
Mengulas mengenai kandahal pemilihan jemaah untuk menunaikan haji, katanya, setiap tahun tarawar untuk menunaikan haji akan dibuat kepada mereka yang paling lama dan terdahulu mendaftar haji.